

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Kenyataan Akhbar
Press Release

SCIENCEPLORATION CAMP 2023 PROGRAM SAINS UNTUK KOMUNITI

Kota Samarahan, 20 Mei 2023 – Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah mengadakan program Scienceploration Camp 2023 pada 20 Mei 2023.

Program 1 hari itu merupakan usaha bersama Pusat Pengajian Pra Universiti (PPPU) dan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FCSIT), UNIMAS. Ini merupakan acara tahunan sejak program ini bermula pada tahun 2016. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan maklum balas positif daripada para peserta sejak program ini diadakan.

Objektif utama program ini adalah untuk menyemai minat terhadap mata pelajaran yang berkaitan dengan Sains, Matematik dan Sains Komputer. Objektif dapat dicapai melalui eksperimen yang inovatif dan pembelajaran yang menyeronokkan. Pensyarah-pensyarah yang berpengalaman telah bertugas sebagai fasilitator sepanjang program berjalan dan bantuan daripada pegawai perhubungan yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang cemerlang di Pusat Pengajian Pra-Universiti dan para pelajar sarjana dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat.

Program ini telah disokong oleh UNIMAS selaras dengan penjenamaan sebagai *Community-Driven University for a Sustainable World*. Seramai 65 orang pelajar menengah rendah daripada 11 buah sekolah di sekitar Kota Samarahan dan Kuching telah mendaftar untuk program tahun ini. Pendaftaran bermula seawal jam 7 pagi dan peserta menjalankan tujuh aktiviti termasuk

Making Sense of Your Senses, Fireworks, Finger Binary, AIZ26 Cipher, ChemyChromatic, Graph Paper Programming dan *Sorting Algorithm Race* berasaskan subjek Sains, Matematik dan Sains Komputer yang telah dirangka untuk program ini. Program Scienceploration Camp 2023 telah melabuhkan tirai pada jam 5 petang.

Majlis perasmian program Scienceploration Camp 2023 telah disempurnakan oleh Prof Madya Dr Faisal Ali bin Anwarali Khan, Pengarah Pusat Pembangunan Pelajar, UNIMAS.

** Sebarang pertanyaan berkenaan dengan program ini, sila hubungi Pengarah Program, Scienceploration Camp 2023, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak.

(Attn.: Puan Nur Fazliana Rahim), Phone: +6 082-582273, Fax: +06 082-582330.

20 Mei 2023

UNIMAS Global
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
Tel +60 82 582394
Fax +60 82 665088
Emel: @unimas.my
www.unimas.my

U N I M A S